

Al-Risalah

▪ Jurnal Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan ▪

APLIKASI HUKUM ISLAM DALAM TATANAN MASYARAKAT GLOBAL DI MALAYSIA DARI ASPEK PERADABAN UMAT

Mohd Roslan Mohd Nor*

Abstract: *This article discusses the development of Islamic law in Malaysia in the context of globalized world. Globalization has posed a challenge to Muslims to provide contemporary world problems with solution. The application of Islamic law is proposed by this paper as one of fundamental ways to overcome this problem. Nevertheless, in the case of Malaysia, the proposed application of Islamic law has resulted in controversy: some groups hail it and the other reject it. In spite of this controversy, the paper describes several aspects of Islamic law that have been successfully implemented in Malaysia such as Islamic Banking and Halal regulation.*

Keywords: *comparative law, sociology of law, Islamic Banking, globalization and Islamic Law*

Alam Melayu atau Nusantara ini sudah lama sinonim dengan Islam,¹ bahkan membentuk masyarakat Islam terbesar

*Universitas Malaya Malaysia.

¹ Lihat umpamanya Syed Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), hlm. 1-15; Peter Riddell, *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*, (Singapore: horizon Books, 2001), hlm.

di dunia, maka ia tidak terlepas dari cabaran yang tersendiri terutama apabila dilihat dari aspek tatanan masyarakat global dan peradaban Islam. Ia turut menyentuh persoalan yang bermula dari melakukan ibadah kepada persoalan yang lebih berat yaitu yang bersifat hukum. Hukum Islam atau juga disebut sebagai Syariat Islam merupakan satu perkara penting dalam kehidupan masyarakat Muslim. Ia berkait dengan cara hidup individu, hukum hakam dalam kehidupan seharian, muamalah perniagaan, dan bermacam-macam lagi.

Oleh kerana ia merupakan suatu perkara penting dan ianya telah wujud di dalam Islam semenjak zaman awal lagi, maka sudah tentu ia mempunyai cabaran-cabaran tertentu. Tidak cukup dengan melihat kepada evolusi hukum itu yang berlaku sepanjang zaman, tetapi sejauh mana perubahan-perubahan boleh diterima oleh masyarakat sekeliling mengenainya. Ada juga kemungkinan bahawa hukum Islam juga tidak terlepas dari biasan kecenderungan parti-parti politik yang ingin menggunakan Islam sebagai alat mereka di pentas politik tersebut.

Dalam banyak situasi, kita mungkin terkeliru atau cuba dikelirukan umpamanya oleh pandangan-pandangan keras ultra konservatif yang mendasari sebahagian dari pemikiran umat Islam. Tidak dinafikan bahawa golongan yang berada di garisan keras ini sememangnya wujud dan mereka mempunyai pandangan-pandangan tersendiri sehingga tidak dapat untuk menerima pandangan-pandangan alternative Islam yang lebih moderate, tolerance dan acceptable bagi kehidupan yang bersifat majmuk.

Di Malaysia, aplikasi hukum Islam turut merasai cabaran-cabarannya yang tersendiri di dalam suasana masyarakatnya yang berbilang kaum. Bahkan masyarakat yang ada pada hari ini juga merupakan masyarakat yang sudah celik ilmu, celik kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan maklumat dan sebagainya. Lalu kelebihan itu digunakan mereka untuk mendapatkan maklumat dari 'atas talian' sehingga adakalanya

isu-isu besar dapat dirungkai dengan segera. Namun begitu, apakah dengan mendapat maklumat dari laman web tersebut dapat untuk dianggap setaraf dengan para ilmuwan yang menguasai kitab-kitab agama? Sudah tentu pada hemat saya, yang menggunakan laman web itu hanyalah mempraktikkan kemahiran sahaja bukan bersandarkan kepada ilmu. Golongan yang menguasai *turath* itulah yang sepatutnya dianggap sebagai golongan yang berilmu dan harus dihormati.

Tatanan dunia global dan cabaran yang dihadapi di Malaysia dari aspek ini tidak boleh dipandang ringan. Jika ia tidak ditangani dengan betul, saya kawatir generasi akan datang tidak merasai kepentingan hukum Islam, malah mungkin ada yang akan mencabarnya sepertimana yang pernah berlaku di Malaysia suatu ketika dahulu. Ia melibatkan seorang peguam yang mencabar di Mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa Hukum Islam atau Hukum Hudud yang telah digubal di Kelantan itu dianggap tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan di Malaysia. Dari aspek lain, hukum Islam juga boleh menerima tempias ketidakpuasan hati masyarakat yang mempertikaikan keputusan / fatwa terhadap sesuatu isu yang berlaku.¹ Dalam kata lain, ia menimbulkan isu ketidakpercayaan dikalangan masyarakat terhadap hukum Islam yang dikeluarkan bahkan ia boleh mencapai sehingga ke tahap mempertikaikan institusi-institusi yang terlibat di dalam masalah sebegini.

Era Global Memerlukan Kecekapan Penyelidik Hukum

Di Malaysia, boleh dikatakan bahawa setiap jabatan Mufti yang mengawal hal ehwal agama di negeri-negeri, mempunyai pegawai *Buhuth*. Pegawai ini sesuai dengan namanya adalah

¹ Sebagai contoh fatwa yang telah digazetkan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk mengharamkan sebarang aktiviti Syarikat ESQ. Fatwa ini telah mendapat reaksi pelbagai pihak sehingga ada yang cuba mempertikaikan kredibiliti fatwa tersebut. Pihak ESQ sendiri membawa perkara ini ke mahkamah di Malaysia untuk mendapatkan penielasan laniut megenainva.

sebagai seorang yang menyelidik untuk menjawab persoalan-persoalan tertentu yang timbul di kalangan masyarakat. Namun begitu, oleh kerana zaman kini adalah zaman yang penuh dengan maklumat dihujung jari, tugas pegawai tersebut sangatlah mencabar. Jika tidak kena, kemungkinan mereka akan turut dicabar di dalam perkara-perkara yang melibatkan isu-isu terkait lansung dengan masyarakat Islam.

Oleh itu, penyelidik hukum tidak boleh lagi berada di takuk lama. Pengajian di peringkat sarjana muda (S1) dilihat tidak mencukupi untuk mereka berhadapan dengan pelbagai persoalan berbentuk semasa. Mereka perlu berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan keupayaan mereka dalam memanfaatkan sumber-sumber yang ada. Penyelidikan adalah tunjang kepada hukum Islam itu sendiri. Jika tiada penyelidikan, nescaya keputusan yang dikeluarkan hanyalah bersifat lemah, boleh dicabar serta tidak realistik. Jika hasrat ini dapat difahami, para pegawai penyelidik @ *buhuth* perlu berusaha meningkatkan daya mereka dengan mendalami pengajian diperingkat tinggi iaitu Master dan PhD. Di peringkat pengajian tinggi inilah para calon dilatih dan didedahkan dengan teknik-teknik melakukan penyelidikan yang objektif serta akademik.

Bagi mereka yang sudah berumur senior, mungkin perkara ini bukan sesuatu yang ideal bagi mereka lantaran umur yang semakin meningkat. Jika faktor itu menjadi halangan, pegawai penyelidik sebegini perlu juga didedahkan dalam kursus-kursus jangka pendek mengenai metode penyelidikan agar mereka dapat menguasai sesuatu ilmu pengetahuan itu melalui kaedah penyelidikan yang boleh diterima umum. Jika ini dijadikan sandaran, lambat laun, para pegawai agama dapat untuk menyumbang dengan lebih bermakna dalam membangunkan hukum Islam dalam konteks semasa di tempat masing-masing.

Cabaran Dalam Memahami Tujuan Hukum

Cabaran asas aplikasi hukum Islam ialah apabila ada orang yang kurang memahami syariah, tetapi dalam masa

yang sama menggunakan syariah untuk berhujah sehingga menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. Situasi sebegini seolah memperlihatkan tahap pemikiran manusia bahawa undang-undang Islam itu tiada bezanya dengan sivil. Ini menyebabkan terjadi begini sehingga ada yang tidak mahu mengiktiraf hukum Islam menjadi tunjang kepada perundangan dalam negara. Mereka bercakap seolah sudah dikawal oleh kerangka orientalis yang sentiasa ingin melihat pemikiran umat Islam mengikut acuan yang dibentuk oleh mereka. Gagasan analitikal kritis menjadi 'kalam hikmah' atau juga seakan *buzz word* bagi mereka untuk meracuni pemikiran umat Islam. Bagi mereka yang terlalu takjub dengan pendekatan kritis ala orientalis ini sudah tentu ingin melihat semua perkara sebagai bebas untuk dikritik. Ini sesuatu yang perlu untuk difahami semula oleh semua golongan terutama dalam kalangan golongan yang terpelajar. Golongan ini mesti memahami tujuan hukum Islam itu dengan jelas. Mereka tidak boleh mencipta alasan untuk tidak meminati hukum Islam disebabkan oleh promosi negative sesetengah pihak. Ini perlu diperbetulkan dengan memahami tujuan hukum.

Untuk itu, adalah penting untuk mengetahui tujuan hukum Islam itu sendiri.¹ Dalam hal ini, undang-undang Islam memberi penekanan dalam dua perkara yang penting, yang pertama dalam hubungan manusia dengan Tuhan yang menciptanya dan kedua hubungan manusia sesama manusia. Oleh itu maka ia membawa dua maslahat, iaitu maslahat dunia dan maslahat akhirat. Perkara ini bukan sahaja dalam urusan ibadat, tetapi juga dalam urusan duniawi, dalam urusan muamalat, munakahat, jenayat dan lain-lain, contohnya dalam perkara jual-beli yang berkaitan dengan perniagaan.²

Dalam perkara jenayah pula, seperti hukum qisas, hudud dan takzir merupakan hukum zahir, dosa pahala yang

dikaitkan selepas kematian dan dibangkitkan semula pada hari akhirat merupakan hukuman yang menguasai roh, yang menguasai batin manusia itu. Oleh itu dalam perkara yang berkait dengan jenayah, Islam telah mencegah perlakuannya melalui penguasaan hati dan roh dalam berhubungan beriman dengan Allah dan beribadat kepadaNya dan hukuman zahir melalui deraan-deraan yang dikenakan kepada jasad yang sama ada yang dinamakan qisas, hudud ataupun takzir seperti hukum bunuh, sebat penjara dan lain-lain lagi.¹

Oleh kerana penekanan dalam masalah undang-undang jenayah menjadi perbualan umum, suka dijelaskan sekali lagi untuk menjadi titik tolak perbincangan dalam dewan mengenainya diteruskan. Iaitu Islam telah membahagikan undang-undang jenayah itu kepada 3 bahagian:²

Pertama: Qisas iaitulah hukuman balas yang setimpal dalam jenayah meluka atau mencederakan yang dinyatakan secara nas oleh Al-Quran dan As-Sunnah dalam perkara yang berkait dengan manusia.

Kedua: Hudud, iaitu hukuman yang dihadkan kadarnya oleh Syarak dalam jenayah yang dikaitkan dengan hak Allah, yang dimaksudkan ialah kepentingan umum dalam perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai atau masyarakat.

Ketiga: Takzir, iaitu berkaitan dalam perkara yang tidak dinaskan oleh Syarak, maka ia diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah untuk menentukan di atas prinsip amar makruf dan nahi mungkar dan menjaga kepentingan agama dan dunia dengan seadil-adilnya.

Di sini kita dapati bahawa tujuan hukum Islam itu adalah terangkum di dalam 3 perkara utama, iaitu:

1. Mendidik manusia – Allah SWT sebagai Pencipta makhluk dengan sifatnya yang Maha Mengetahui, menciptakan

¹ Sila lihat http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125:

² Sila lihat http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125:

¹ Selanjutnya, sila lihat Mohd Saleh Haji Ahmad, *Pengantar Syariat Islam*, (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999), cet.ke-1, hlm. 5-29.

² Sila lihat http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125.

manusia dan memberikan panduan kehidupan kepada manusia agar mudah untuk melakukan perkara-perkara yang boleh dikerjakan. Justeru Allah SWT juga memberikan larangan-larangan supaya perkara yang tidak baik dan membawa mudarat tidak dilakukan oleh manusia.

2. Memelihara lima perkara utama – Islam menitikberatkan manusia untuk menjaga lima perkara utama iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Ia dikenali juga sebagai Maqasid Syariah (tujuan syariah). Dalam erti kata lain, Islam mengiktiraf hak asasi manusia dan manusia lain tidak boleh untuk mengambil kesempatan di atas kelemahan teman-teman mereka. Ia memerlukan penghayatan. Sesiapa yang menceroboh dengan melakukan jenayah terhadap orang lain, maka hukuman menanti mereka.
3. Memartabatkan keadilan – Islam mementingkan keseimbangan hidup untuk dunia dan akhirat. Dua aspek kehidupan yang didasari akidah Islam inilah yang menjadikan manusia memerlukan petunjuk Allah SWT di dalam melaksanakan tanggungjawab seharian. Petunjuk-petunjuk besar yang terkait dengan hukum itu semua sudah terangkum, tinggal sahaja kita sebagai manusia berakal untuk mengambil dan menghuraikannya dalam konteks kehidupan semasa.

Apakah Hukum Islam diperlukan dalam Masyarakat Global ketika ini?

Setelah melihat kepada tujuan hukum Islam, kita berdepan dengan persoalan iaitu apakah hukum Islam itu diperlukan dan perlu dilaksanakan dalam masyarakat global hari ini? Apakah tidak cukup dengan hukum sivil yang ada dengan system keadliannya seperti mahkamah, hakim dan pendakwa yang sudah lengkap? Kemudian persoalan selanjutnya apakah hukum Islam boleh diasimilisasikan dalam hukum sivil? Apakah kita mahukan dua undang-undang berbeza di dalam satu negara?

Umum mengetahui bahawa Malaysia mempunyai dua sistem undang-undang iaitu sivil dan syariah. Di kebanyakan negeri, undang-undang syariah digunapakai sebagai penyelesaian kepada kes-kes kekeluargaan untuk masyarakat Islam. Hanya ada 2 negeri sahaja yang melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam di samping kekeluargaan, iaitu negeri Terengganu dan Kelantan.

Dalam konteks Malaysia, ada beberapa pandangan yang diutarakan pelbagai pihak. Ada yang setuju untuk ia dilaksanakan kerana melihat kepada kepentingannya dan kaitannya dengan tujuan yang diberi oleh Pencipta makhluk iaitu Allah SWT.¹ Ada juga yang melihat bahawa hukum Islam bukanlah matlamat dan ia tidak sesuai untuk dilaksanakan dalam sistem kehidupan masyarakat Malaysia pada zaman kini. Ada yang menuduh hukum Islam tidak akan membawa kepada kemajuan, malah akan menyebabkan rakyat dan negara menjadi mundur.²

Oleh yang demikian, hakikat dan kebenaran hukum Islam terhadap masyarakat, realiti dan kekuatan perlu difahami dengan jelas. Dasarnya adalah dua sumber utama dalam Islam,

¹ Lihat umpamanya pandangan Abdul Hadi Awang yang menyatakan kepentingan melaksanakan hukum Islam kerana beliau meyakini Syariat Islam itu terbentuk berdasarkan tiga perkara yang sangat penting mengapa manusia dicipta. Maka untuk ketiga-tiga peranan itu Syariat Islam diwajibkan Allah kepada manusia supaya beramal dengannya, supaya tidak terpesong daripada peranan yang sebenar dan matlamat dalam pembangunan insan yang seutuhnya. Ketiga-tiga itu ialah ibadah, yang kedua ialah khilafah (pemerintahan secara Islam) dan ketiga ialah amanah. Lihat ucapan yang telah disampaikan dalam dewan undangan negeri dalam laman rasmi beliau http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125:pelaksanaan-syariat-islam-adalah-suatu-keutamaan&catid=20:bicara-presiden&Itemid=107.

² Lihat pandangan Fathi Osman yang dihuraikan oleh Astora Jabat mengenai Hudud yang padan pandangannya tidak berasal dari Islam. Malah, hudud hanya sesuai pada zamannya dan bukan pada zaman sekarang. Lihat: <http://www.mykmu.net/~mykmu/modules.php?name=News&file=print&sid=2403>.

iaitu al-Quran dan al-Hadith. Hukum Islam yang terdapat dalam Quran sememangnya dari dulu berkait rapat soal human and social development. Samalah dengan kehidupan manusia ini, mestilah mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Cuma kita tidak mengkaji dan meyakini perkara tersebut sehingga membuatkan kita terpaksa untuk menerima hukum yang dibuat oleh manusia lain dibenua yang kita anggap mereka sebagai maju. Di Malaysia juga begitu, masih ada yang ragu tentang hukum Islam tetapi begitu yakin untuk mengikut hukum British yang telah dipusakai sejak merdeka dahulu. Bila ditinjau dari aspek sejarah, hukum Islam pernah terlaksana di Alam Melayu ini melalui bukti-bukti seperti Qanun Melaka, Qanun Laut Melaka dan Undang-undang Kedah.

Kekuasaan Melaka menjadi kuat selepas menerima Islam sehingga menguasai negeri-negeri Melayu lain. Perlaksanaan undang-undang Islam juga diperluas ke negeri lain seperti Pahang, di mana wujudnya apa yang dikenali sebagai Qanun Pahang.¹ Disebabkan oleh penjajahan, pelaksanaan hukum Islam telah diperkecil. Pada akhir abad ke 19, British menjajah Tanah Melayu. Beberapa perjanjian dibuat oleh British dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengukuhkan kedudukannya di Tanah Melayu. Walaupun negeri-negeri Melayu diletakkan di bawah kekuasaan British, undang-undang Islam masih diakui oleh pihak berkuasa penjajah. Perkara ini dapat dilihat melalui pengakuan Hakim Throne J. dalam kes Rahman lawan Laton dan kes Syaikh Abdul Latif lawan Ilyas Bux yang mengatakan undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing tetapi undang-undang negeri.²

Penjajah terus berusaha menghapuskan unsur Islam dan menggantikannya dengan undang-undang Inggeris.

Pembentukan Piagam Keadilan I pada 1807, Piagam Keadilan II pada 1826 dan Piagam Keadilan III pada 1855 membuktikan perkara ini. Undang-undang sivil juga dikuatkuasakan pada 1837 dan berikutnya pada tahun 1956. Peruntukan piagam dan undang-undang telah memberi kuasa yang lebih banyak dan lebih luas kepada penjajah mengubah dan menghapuskan undang-undang tempatan dan menggantikannya dengan undang-undang Inggeris keseluruhannya.¹ Secara de facto, undang-undang Inggeris sudah mengambil tempat undang-undang Islam.² Oleh sebab itu, ada pandangan dari sarjana undang-undang mengatakan: 'Meskipun kedudukan Islam tidak dapat dipertahankan dengan demokrasi, kedudukan tersebut boleh dipertahankan dengan merujuk kepada sejarah; khususnya persetujuan antara kaum sebelum merdeka'.³

Justeru, kita harus kembali memahami dalam konteks ini bahawa hukum Islam bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan. Hanya kesungguhan menentukannya. Firman Allah SWT, maksudnya: "Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya. Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu." (Surah at-Talaq: 2-3).

Di dalam ayat yang lain, maksudnya: "(Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad), Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, dan janganlah

¹ Aminuddin Ruskan al-Dawamy, *Syariah dan Perundangan*, hlm. 19.

² Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), hlm. 45-49.

³ Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, (Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005), hlm. 7.

¹ Lihat Nik Nasri dalam tulisannya mengenai *Mengembalikan Fungsi Sebenar Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. http://www.niknasri.com/wp-content/uploads/2009/08/DAIJ_Fungsi_Sebenar_Islam.pdf

² Aminuddin Ruskan al-Dawamy, *Syariah dan Perundangan*, (Johor: Cetak Peta Sdn Bhd, 1998) hlm. 18-19

kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah, (tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan." (Surah al-A'raaf: 3).

Firman-Nya juga: "Mereka suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepada kamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil." (Surah al-Maa'idah: 42).

Kedudukan Hukum Islam berdasarkan Adat Tempatan

Di dalam satu penulisan, Ansori¹ menyatakan bahawa nilai-nilai hukum Islam tidak lepas dari prinsip penerapan yang dianutnya, serta tujuan hukum Islam itu sendiri. Dari prinsip-prinsip yang dianut dapat dilihat bahawa hukum Islam dalam prosesnya sangat memperhatikan adat ('urf) setempat. Adat atau 'urf merupakan kebiasaan dalam masyarakat dan menjadi salah satu keperluan sosial yang sulit untuk ditinggalkan dan berat untuk dilepaskan. Oleh kerana itu, dalam pembinaan hukum Islam, jelas menunjukkan bahawa syari'at Islam sangat memperhatikan adat ('urf) masyarakat setempat,² misalnya mengenai larangan minuman keras

(*khamr*). Peluang adat ('urf) untuk bisa dijadikan pertimbangan dalam menetapkan hukum secara implisit diisyaratkan oleh beberapa ayat hukum dalam al-Qur'an, antara lain, "Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf" (al-Baqarah: 233); "Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberi oleh suaminya) mut'ah menurut yang ma'ruf" (al-Baqarah: 241). Dalam ayat tersebut tidak dijelaskan mengenai jenis atau bentuk, dan batasan banyak sedikitnya nafkah yang harus diberikan oleh suami kepada isetrinya yang dicerai. Hal ini kerana Islam memahami bahawa tingkat kehidupan, kemampuan, dan adat ('urf) masyarakat berbeza antara satu dengan yang lain. Syari'at Islam memberikan kesempatan untuk menetapkan ketentuan hukumnya sesuai adat ('urf) setempat. Oleh kerana itu, ketentuan hukum mengenai kewajiban memberi nafkah bagi suami yang ada dalam berbagai kitab fiqh (dari berbagai macam mazhab) berbeza-beza kerana antara lain disebabkan perbezaan tradisi di mana ulama tersebut berada.¹ Berkaitan dengan itu, dalam *qa'idah fiqhiyah* disebutkan: "*Adat kebiasaan dapat dijadikan dasar (pertimbangan) hukum.*"²

Dalam konteks Malaysia, banyak hukum yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada waqi' tempatan. Dalam isu yang berlaku pada awal tahun ini, iaitu isu penggunaan Kalimah Allah oleh golongan bukan Islam, Majlis Fatwa Kebangsaan tidak membenarkannya. Beberapa NGO Islam seperti Persatuan Ulama Malaysia turut membantah penggunaan

¹ Ansori, 'Hukum Islam dan Tradisi Masyarakat' dalam *Ibda' - Jurnal Studi Islam dan Budaya*, Vol. 5, No. 1, 2007, hlm. 59-71.

² Anisah Ab. Ghani dan Saadan Man, 'Nilai-nilai Adat dan Budaya Dalam Amal Ibadat Masyarakat Melayu,' dalam Md. Saleh Hj Md. @ Ahmad et. al. (eds.), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 159-185; Mohamed Azam mohamed Adil, 'Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa di Malaysia,' dalam Md. Saleh Hj Md. @ Ahmad et. al. (eds.), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 455-480.

¹ Antara sebab-sebab kelahiran mazhab ialah kerana i. Perbezaan antara fuqaha dalam teori hukum, ii. Wujudnya personaliti yang kuat, iii. Lahirnya kelas-kelas pengajian secara teratur, dan iv. Kesetiaan murid terhadap guru mereka. Lihat perbahasan lanjut dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1988), hlm. 142-143.

² Ahmad bin Muhammad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyah*, Cet. Viii, Beirut: al-Qalam, 1988, hlm. 219, lihat juga Zainal Abidin bin Ibrahim bin Nujaim (Ibnu Nujaim), *al-Asybah wa al-Naza'ir*, (Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiah, 1985), hlm. 93.

Kalimah Allah oleh golongan bukan Islam dalam konteks Malaysia. Walaupun mahkamah tinggi membenarkan penggunaan kalimah tersebut oleh golongan Kristian untuk akhbar mereka Herald – The Catholic Weekly melalui penghakiman oleh Datuk Lau pada 30 Dis 2009, namun reaksi masyarakat Islam seluruh negara telah menyebabkan pihak kerajaan mengambil tindakan untuk menasihati supaya kalimah Allah tidak digunakan sewenang-wenangnya atas alasan keselamatan. Inilah antara beberapa contoh pemahaman hukum Islam berdasarkan 'urf setempat atau berdasarkan kepada *waqi'* yang telah menyebabkan perkara ini ditangani sedikit berbeza dengan negara jiran seperti Indonesia.

Jaminan agama Islam dan bukan Islam di Malaysia

Di dalam Perlembagaan Malaysia, diperuntukkan beberapa perkara yang berkaitan dengan Islam. Di antara peruntukan penting yang berkaitan dengan kedudukan Islam ialah Perkara 3,¹ 11, 12(2), 121 dan 150 (6A)². Secara sekali imbas, peruntukan-peruntukan tersebut ialah:

1. Perisytiharan Islam sebagai agama rasmi persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 (1))
2. Hak kebebasan beragama (Perkara 11)
3. Kebenaran menggunakan wang awam untuk tujuan-tujuan Islam (Perkara 12(2))
4. Kedudukan mahkamah syariah di dalam sistem perundangan (Perkara 121(1A))
5. Pengecualian undang-undang Islam daripada undang-undang darurat (Perkara 150 (6A))

¹ Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyebut: Islam merupakan agama rasmi persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni. Peruntukan seumpama ini dimasukkan buat pertama kali di dalam Perlembagaan Negeri Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar. Seterusnya ia dicadang dan dipersetujui untuk dimasukkan ke dalam draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bersama dengan jaminan kebebasan beragama kepada rakyat yang beragama lain.

² Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, hlm. 11.

6. Penetapan hal ehwal Islam sebagai sesuatu yang terletak di dalam bidang kuasa negeri (Jadual Ke 9, Senarai 2-Senarai negeri, seksyen 1)

Melihat kepada kedudukan agama Islam di Malaysia, Suwaid Tapah¹ menyatakan keistimewaan Perlembagaan Persekutuan ialah dengan memasukkan empat elemen tradisi dimana antaranya ialah agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan,² serta kedudukan dan keistimewaan Raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam dalam negeri sebagaimana diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri. Tertakluk kepada Perlembagaan Negeri, segala hak, keistimewaan dan kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidak tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan dan upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja adalah meliputi seluruh Persekutuan, maka atas sifat Raja sebagai ketua Agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya. Perlembagaan-perlembagaan bagi negeri-negeri yang tidak beraja (Melaka, Pulau Pinang, Sabah³ dan Sarawak) hendaklah membuat peruntukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri itu. Yang di-Pertuan Agong juga menjadi Ketua Agama Islam bagi Wilayah-wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dimana Parlimen diberi kuasa untuk membuat undang-undang mengenai pentadbiran hal ehwal Islam dan penubuhan Majlis Agama untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan agama Islam.

¹ Suwaid Tapah, *Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Relaiti dan Cabaran*, Seminar Hukum Islam di Malaysia anjuran KIAS pada 1 Mac 2004, dalam <http://www.kias.edu.my/pelundang.htm>

² Agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan seperti yang dijamin dalam Perkara 3 (1).

³ Lihat misalnya, pindaan Perlembagaan Negeri Sabah dalam Fasal 5 A, B (1)(2) yang memperuntukkan agama Islam sebagai agama negeri dan kuasa-kuasa Dewan Perundangan Negeri. Lihat Pindaan Enakmen No.8/1985 (berkuatkuasa pada 31.12.1985).

Bertitik tolak dari semangat Perkara 3 (1-5), maka perkara-perkara lain berkaitan mempunyai hubungan dengan pentadbiran hal ehwal agama Islam misalnya penubuhan Majlis/Jabatan Agama Islam di negeri-negeri, Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah dan lain-lain.¹ Selaras dengan tuntutan semasa untuk memperkemas pentadbiran hal ehwal Islam, kerajaan-kerajaan negeri telah mula mengasingkan tiga institusi penting iaitu Majlis/Jabatan Agama, Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah apabila undang-undang induk (pentadbiran hukum Syarak) dipinda dengan memperuntukkan fungsi Majlis secara jelas iaitu membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong/Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan agama Islam di dalam negeri kecuali perkara-perkara hukum Syarak iaitu penubuhan Jabatan Mufti dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan iaitu penubuhan Mahkamah Syariah, dan Majlis Agama negeri menjadi pihak berkuasa utama di dalam negeri masing-masing.

Negara Sekular atau Negara Islam?

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Muhamad pernah menyatakan bahawa Malaysia adalah negara Islam. Ia diulangi oleh Perdana Menteri selepasnya iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi, sehingga beliau sendiri memperkenalkan gagasan Islam Hadhari dalam pentadbirannya. Tun Mahathir mengisytiharkan perkara tersebut bagi menjawab beberapa persoalan yang timbul dikalangan rakyat bahawa negara ini mengamalkan sistem sekular berdasarkan kepada beberapa elemen yang kurang jelas tentang kedudukan Islam dalam perlembagaan.

Jika kita lihat kepada perbincangan semasa, penafsiran popular terhadap Islam sebagai agama rasmi dalam Perkara 3 Perlembagaan Malaysia mengatakan perkataan Islam adalah

¹ Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, (Kuala Lumpur: DBP, 1995), hlm. 43-62.

terhad kepada perkara yang bersifat ritual dan keramaian. Ia tidak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, bahkan ia kekal dengan sifatnya sebagai sebuah negara sekular. Penafsiran ini berdasarkan kepada beberapa sandaran:

Pertama: Kertas Putih kepada Draf Perlembagaan Malaysia menyebut: "di sana telah dimasukkan peruntukan yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi persekutuan di dalam Perlembagaan Malaysia. Peruntukan ini walaubagaimana pun, sama sekali tidak menjejaskan sifat sekular persekutuan."

Kedua: Kenyataan daripada Perdana Menteri pertama Malaysia, Tuanku Abdul Rahman di dalam Parlimen Malaysia yang menyebut: "saya ingin menjelaskan di sini bahawa negara ini bukanlah sebuah negara Islam seperti yang difahami oleh kebanyakan, kita hanya memasukkan perkataan Islam di dalam perlembagaan dengan maksud ianya sekadar agama rasmi persekutuan".

Ketiga: Mahkamah di dalam beberapa kes telah membuat ketetapan berhubung penafsiran maksud Islam sebagai agama rasmi persekutuan.

Di dalam kes Che Omar bin Che Soh lawan Pendakwa Raya umpamanya, mahkamah tidak berganjak dari memberi mafhum yang sempit kepada perkataan Islam di dalam perlembagaan. Perayu di dalam kes ini mencabar di mahkamah kesahihan hukuman mati yang dijatuhkan ke atasnya berdasarkan kepada Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Perayu mendakwa, memandangkan Islam sebagai agama persekutuan, maka hukuman mati yang dijatuhkan bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia kerana hukuman gantung tidak termasuk di dalam mana-mana hukuman Islam.

Walaubagaimanapun Hakim Tun Salleh Abbas di dalam penghakimannya menolak penghujahan ini dengan katanya: "di sana tidak ada keraguan bahawasanya Islam bukan sekadar agama yang berkaitan dengan perkara ritual, bahkan ia sebuah agama yang merangkumi cara hidup yang

merangkumi soal politik, undang-undang, ekonomi, akhlak, sosial dan sebagainya. Cuma persoalannya di sini, adakah Islam yang sebegini yang difahami oleh penggubal Perlembagaan Malaysia ketika memasukkan perkataan Islam di dalam perlembagaan? Maka menurut pandangan saya, berdasarkan kepada pertimbangan sejarah perundangan Malaysia, Islam yang difahami oleh penggubal perlembagaan, bukan Islam yang kita fahami, sebaliknya Islam yang difahami oleh mereka ketika memasukkan Islam sebagai agama rasmi adalah Islam yang memisahkan soal agama dan politik. Sekiranya Islam yang difahami oleh penggubal perlembagaan sebagai Islam yang lengkap dan syumul, pastinya di sana akan terdapat peruntukan khusus di dalam Perlembagaan Malaysia yang menyebut, mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang Islam akan terbatal dengan sendiri...".

Oleh yang demikian, walaupun dari aspek pentadbiran politik telah menyatakan dengan jelas bahawa negara ini adalah negara Islam, tetapi dari aspek perundangan dan sistem yang ada masih belum menampakkan perubahan kepada pengamalan Islam secara syumul tersebut sepertimana yang diungkapkan oleh Tun Salleh Abas di atas. Kedudukan sebagai negara sekuler ini juga dirasakan mempunyai kesan yang besar terhadap dunia luar kerana pihak barat sudah pasti tidak mahu mana-mana negara menetapkan negara tersebut berdasarkan agama apatah lagi agama Islam. Ini kerana sikap prejudis barat dan boleh juga dikatakan sebagai 'chauvinist'. Mereka hanya nampak negara Islam itu adalah ala negara Iran yang pada hari ini sentiasa konsisten tidak tunduk kepada kehendak barat. Itulah yang membimbangkan mereka.

Bagaimana Pula Kedudukan Perlembagaan dan Undang-Undang di Malaysia dalam Aplikasi Hukum Islam?

Ramai orang bercakap tentang halangan perlembagaan dan undang-undang dalam usaha melaksanakan Syariah

Islam dalam Negara ini. Mahmood Zuhdi menyatakan meskipun kata-kata seperti itu ada benarnya tetapi apa yang sebenarnya ia lebih bersifat pendalihan semata-mata. Terus memperkatakan hal seperti itu akan meletakkan perjuangan pada sudut yang sukar dan langkah-langkah yang diambil dalam merealisasikan akan lebih bersifat negatif. Memang benar perlembagaan Malaysia tidak menyebut undang-undang Islam sebagai undang-undang Negara, tetapi ia menyebut agama Islam sebagai agama persekutuan. Ini juga adalah sepertimana yang diperjelaskan di atas. Adalah juga benar perlembagaan tidak menjamin pelaksanaan undang-undang Islam, tetapi jaminan berkenaan ada dalam kebanyakan undang-undang tubuh negeri. Begitu juga benar undang-undang negeri tidak boleh mengatasi undang-undang persekutuan, tetapi sekatan seperti itu tidak menyeluruh semua keperluan pelaksanaan Syariah.¹

Sejarah menunjukkan dengan jelas bahawa kehendak politik boleh mengatasi kehendak perlembagaan dan undang-undang ini. Malah perlembagaan yang ada cukup terbuka untuk menerima pentafsiran samada yang bersifat liberal atau pun konservatif. Semuanya banyak terhenti atas kehendak dan kuasa politik. Dengan demikian tidak sepatutnya lagi berbangkit soal halangan seperti ini. Selain itu, yang dihalang oleh perlembagaan dan undang-undang persekutuan yang berkait dengannya tidaklah merangkumi jangkauan yang sangat luas sehingga merangkumi ruang yang cukup besar dalam Syariah. Masih terdapat ruang yang cukup luas bagi Syariah Islam yang tidak dihalang pelaksanaannya oleh perlembagaan. Satu contoh yang sangat jelas mengenai hakikat ini ialah urusan perbankan dan kewangan Islam yang sedang berjalan lancar pada hari ini. Sijil dan produk halal juga satu contoh yang nyata. Lama sebelum ini sudah ada sistem

¹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Pelaksanaan Syariah Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*, dalam laman web: <http://annurshd.blogspot.com/2010/08/pelaksanaan-syariah-islam-di-malaysia.html>

pendidikan Islam yang dilaksanakan dengan begitu selesa. Malah terdapat berbagai-bagai aspek pelaksanaan Syariah Islam lagi yang tidak terhalang. Maka yang menghadapai sedikit sebanyak halangan itu ialah "Undang-Undang" semata-mata. Itu pun lebih terjurus kepada bidang jenayah semata-mata.¹

Cabaran dari Aspek Kesungguhan Politik (*Political Will*)

Political will juga merupakan cabaran kepada pelaksanaan hukum Islam. Pepatah ada mengatakan "di mana ada kesungguhan di situ ada jalan". Jika pihak yang menguasai politik dan mentadbir tidak bersungguh ke arah itu, maka ia tidak akan berlaku. Untuk itu ia memerlukan kuasa untuk melaksanakannya. Di Malaysia, 2 parti politik yang mewakili masyarakat Melayu-Islam tidak sependapat di dalam hal hukum Islam. Bagi UMNO, mereka selesa dengan apa yang ada sekarang di mana hukum Islam menyelesaikan masalah terkait dengan kekeluargaan, manakala undang-undang sivil melihat kepada aspek yang lebih luas dan melibatkan golongan bukan Islam. Bagi PAS, mereka melihat kepentingan untuk melaksanakan hukum Islam tersebut berdasarkan kefahaman mereka terhadap nas-nas al-Quran dan kupasan para ulama' muktabar. Mereka ingin supaya undang-undang syariah itu diterapkan sepenuhnya, bukan sebahagian jujuk kecil sepertimana yang ada pada hari ini. Namun, di dalam pilihanraya ke 12 pada tahun 2008, PAS sudah mula mengendurkan pandangan mereka mengenai negara Islam dan pelaksanaan Hudud yang menyebabkan mereka dapat diterima oleh golongan bukan Islam pada hari ini.

Jika dahulu kebimbangan terhadap hukum Islam ini mengenai keadilan kepada golongan bukan Islam, hari ini

perkara sebegini hanyalah kebimbangan dizahirkan untuk menakut-nakutkan golongan bukan Islam kepada parti politik tertentu. Hakikatnya melalui pendidikan dan penerangan, golongan bukan Islam boleh menerima dan memahami hukum Islam. Mereka juga tidak perlu takut kerana hukum Islam itu prinsip asasnya adalah untuk menegakkan keadilan. Malah mereka tidak dibicarakan dalam mahkamah syariah jika mereka melakukan kesalahan. Mereka akan tetap dibicara di bawah sivil.

Pendekatan politik di dalam hal ini membawa kepada pandangan negatif bukan Islam terhadap hukum Islam. Oleh itu, adalah lebih baik jika kedua-dua parti besar ini mempunyai pandangan yang tidak merugikan Islam bahkan meletakkan Islam pada sebagai agama yang syumul yang merangkumi segala perkara dalam kehidupan ini.

Pada pandangan saya, adakalanya pertimbangan politik harus diketepikan seketika, tumpukan kepada pertimbangan agama, itu yang lebih *awla*. Kita yakin bahawa perkara berkaitan *political will* ini, jika dipertegas dengan bijak, insya allah segala usaha pendidikan, sosial dan kesedaran berjalan dengan baik terhadap memahami kepentingan hukum Islam tersebut.

Beberapa Cabaran terhadap Kedudukan Islam di Malaysia

Walaupun kedudukan Islam sebagai agama persekutuan di Malaysia dijamin dalam perlembagaan, namun ada juga kes-kes yang mencabar kedudukan Islam penganut agama ini. Ada beberapa kes yang berlaku dan juga kumpulan-kumpulan yang 'memperjuangkan hak' mempersoalkan kedudukan Islam ini. Gerakan-gerakan sebegini nyata memberi satu dimensi baru terhadap cabaran yang perlu dihadapi setelah Malaysia mengecap kemerdekaan lebih setengah abad yang lalu. Antara perkara yang menjadi perhatian masyarakat Islam ialah:

¹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Pelaksanaan Syariah Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*, dalam laman web: <http://annurshd.blogspot.com/2010/08/pelaksanaan-syariah-islam-di-malaysia.html>.

1. Rancangan Penubuhan Inter-Faith Commission (IFC)

IFC merupakan suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Majlis Peguam Malaysia dan disokong oleh Majlis Perundangan Malaysia bagi Ajaran Buddha, Keristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS) dan Yayasan Konrad Adenauer. Rahimin Affandi menyatakan bahawa kehadiran Yayasan Konrad Adenaur dalam usaha menubuhkan IFC amat diragui kerana yayasan ini beribu pejabat di Jerman dan cuba mencampuri urusan dalaman negara ini.¹ IFC juga mengambil peranan sebagai penyiasat, perantara, perunding dan pendamai terhadap dakwaan perbuatan yang menjejaskan keharmonian agama. Ada beberapa pertubuhan seperti Sister in Islam yang selain daripada memainkan peranan di akhbar, dilihat menonjol dalam menyokong penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang diseminarkan pada 24 Februari 2005.²

Pada asalnya IFC ialah IRC – Inter Religious Council, sebuah suruhanjaya yang dicadangkan seperti badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran sesetengah agama, akibat daripada desakan penganut agama lain. Badan ini berfungsi mirip SUHAKAM yang menerima dan melayan aduan-aduan berkaitan agama. IFC digagaskan penubuhan oleh MCCBCHC (Malaysia Consultative of Buddhism, Christianity, Hinduism, dan Sikhisme atau Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh) melalui memorandum kepada Majlis Peguam Malaysia bertarikh 21 Ogos 2001. Matlamat penubuhan IFC adalah untuk meminda beberapa ajaran asas Islam yang akan merosakkan akidah umat Islam dan berpihak kepada kepentingan orang-orang bukan Islam.

¹ Rahimin Affandi, *Kebudayaan Melayu dan Islam: Analisis terhadap cabaran semasa (Bhg. Akhir)*, dalam: <http://ummattanwasatan.net/2009/05/kebudayaan-melayu-dan-islam-analisis-terhadap-cabaran-semasa-bhg-akhir/>

² Anis Shakila Binti Ismail (2006) *Pemikiran Islam Liberal di Malaysia: Kajian Terhadap Isu yang ditimbulkan oleh Farish Noor dan Syed Akhbar Ali. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Usuluddin, APIUM*, hlm. 43.

2. Tuntutan Bukan Islam melalui suara IFC

Oleh kerana *nature* IFC ialah perjuangan isu-isu agama antara kaum, maka mereka merupakan badan yang digunakan untuk menyuarakan beberapa tuntutan golongan bukan Islam. Penulis sendiri melihat tuntutan sebegini mempunyai kaitan dengan perjuangan hak asasi di negara barat yang ingin membebaskan masyarakat mereka dari cengkaman agama. Dalam konteks Malaysia, ia harus dicermati dan diteliti sewajarnya agar kita tidak menjadi golongan yang mencedok apa saja yang berlaku di barat. Lebih parah jika kita dipilih oleh barat untuk memperjuangkan isu tersebut, menentang Islam, dengan saluran dana yang diberikan di atas nama *liberalisation, justice, rule of law* atau apa sahaja yang akhirnya memerangkap umat Islam itu sendiri. Justeru, kerangka perubahan-perubahan yang diinginkan itu mestilah selari dengan agama Islam.

Melalui IFC orang-orang bukan Islam menuntut antara lain:¹

1. Seseorang anak yang dilahirkan oleh ibubapa Islam tidak seharusnya secara terus menjadi orang Islam.
2. Orang bukan Islam yang telah memeluk Islam hendaklah diberikan kebebasan untuk kembali kepada agama asal mereka (murtad) dan tidak dikenakan tindakan undang-undang.
3. Sebarang kes pertukaran agama Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh mahkamah [syariah].
4. Tidak perlu dicatatkan di dalam kad pengenalan seseorang Muslim bahawa ia beragama Islam.
5. Orang-orang bukan Islam tidak perlu dikehendaki menganut agama Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang Islam. Orang Islam hendaklah dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) sekiranya ingin berkahwin

¹ Lihat brosur Bantah Penubuhan IFC (brosur edaran yang diterbitkan oleh ACCIN). Lihat juga di dalam: http://bantahifc.bravehost.com/bantah_penubuhanIFC_brosuredaran.htm

- dengan orang bukan Islam tanpa boleh dikenakan apa-apa tindakan undang-undang.
6. Seseorang pasangan suami atau isteri yang menukar agama dengan memeluk Islam tidak patut diberikan hak jagaan anak.
 7. Orang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seorang yang memeluk Islam hendaklah diberikan hak menuntut harta pusaka selepas kematiannya.
 8. Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi untuk membina dan menyelenggarakan rumah-rumah ibadat orang bukan Islam sebagaimana kerajaan menyediakan dana untuk masjid.
 9. Orang bukan Islam hendaklah dibenarkan dan tidak boleh dihalang daripada menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam percakapan dan sebagainya.
 10. Bible dalam bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia sepatutnya dibenarkan edar secara terbuka.
 11. Pelajaran agama bukan Islam untuk penganut agama itu hendaklah diajar di semua sekolah.
 12. Program-program berunsur Islam dalam bahasa ibunda sesuatu kaum hendaklah ditiadakan. Program dakwah agama lain selain Islam hendaklah dibenarkan untuk disiarkan dalam bahasa ibunda masing-masing.
 13. Orang Islam yang membayar zakat tidak sepatutnya dikecualikan membayar cukai pendapatan dan wang hasil zakat sepatutnya digunakan juga untuk keperluan orang bukan Islam.
 14. Sepatutnya Islam tidak disebut sebagai pilihan pertama masyarakat seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah.

Tuntutan IFC ini telah mendapat tentangan habis-habisan oleh pelbagai NGO Islam dan ditolak cadangan penubuhannya oleh kerajaan. Keputusan dari pihak kerajaan itu telah

meredakan sedikit resah dikalangan masyarakat Islam di Malaysia. Dan ini adalah sesuatu yang amat dibanggakan. Penolakan NGO Islam membuktikan bahawa masyarakat Islam di Malaysia masih beristiqamah mempertahankan dominasi Islam di dalam masyarakat Malaysia. Jaringan pertubuhan yang menolak keras IFC ini di Malaysia, ACCIN (Allied Coordinating Committee of Islamic NGO)¹ menjangkakan keburukan akan berlaku sekiranya IFC ditubuhkan.² Antara yang dibimbangi adalah ia akan membuka ruang seluas-luasnya kepada golongan bukan Islam untuk mencampuri urusan Islam.

3. Kes Kumpulan Artikel 11³

Kumpulan Artikel 11 ditubuhkan pada Mei 2004, menggabungkan 13 NGO memperjuangkan usaha untuk menegakkan keluhuran perlembagaan dan menggalakkan kebebasan beragama di Malaysia. Kumpulan Artikel 11 ini menolak diskriminasi individu atas dasar agama, bangsa, tempat lahir atau jantina. Mereka menggesa agar kebebasan berfikir, beragama dan suara hati setiap individu dihormati, dijamin dan dilindungi. Dalam surat terbuka kepada kerajaan, mereka menyatakan komitmen yang teguh terhadap Perlembagaan Malaysia sebagai negara sekular dan hak kebebasan beragama.

Berdasarkan keputusan Mahkamah Agung dalam kes Che Omar Lawan Pendakwaraya, kumpulan ini berpendapat bahawa undang-undang Malaysia adalah bersifat sekular. Justeru itu, mereka mengkritik mahkamah sivil yang enggan

¹ Jaringan NGO ini dianggotai oleh 14 pertubuhan badan Islam di Malaysia. Antara pertubuhan itu termasuklah ABIM, PUM, MACMA, PERKIM, JIM, Darul Fitrah, al-Hidayah dan lain-lain lagi.

² Mustafa Ma (2005), *Ancaman Terhadap Hak-hak Orang Islam. Persidangan Implikasi Cadangan Penubuhan IFC Terhadap Hak-hak Orang Islam*. Kuala Lumpur. Hlm. 1.

³ Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan adalah mengenai Kebebasan Beragama atau Freedom of Religion.

melayani kes-kes yang mempunyai elemen undang-undang Islam berdasarkan peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini menjelaskan perkara yang mempunyai elemen undang-undang Islam perlu dibicarakan di Mahkamah Syariah. Kumpulan artikel 11 ini seterusnya menggesa kerajaan agar memansuhkan Perkara 121 (1A) untuk membolehkan mahkamah sivil mendengar kes-kes yang sepatutnya berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.¹

Apa yang seharusnya difahami ialah Hak perlembagaan bagi mengamalkan agama sendiri (Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan – Freedom of Religion (Kebebasan beragama) tidak berlanjutan kepada mempersoalkan agama lain dan tidak sampai menuntut ajaran agama orang lain dipinda semata-mata untuk disesuaikan dengan kepentingan sendiri. Orang-orang bukan Islam berhak untuk menuntut hak mereka mengamalkan agama sendiri tetapi tidak sampai mempersoalkan dan campurtangan dalam urusan agama Islam. Campurtangan ini amat bahaya. Perkara yang berkaitan dengan agama Islam hendaklah diselesaikan oleh mereka yang berkelayakan di dalam Islam sendiri.²

4. Keluar agama – Kes Azlina Jailani (Lina Joy)

Azlina Jailani merupakan satu kes yang juga mencabar kewibawaan pelaksanaan Islam di Malaysia. Beliau merupakan seorang Muslim, tetapi telah menukar agama dengan menganut fahaman Kristian. Beliau mengemukakan permohonan ke mahkamah untuk mendapatkan kebenaran untuk menukar status agama di dalam kad pengenalan

¹Lihat Rahimin Affandi, dalam <http://ummatanwasatan.net/2009/05/kebudayaan-melayu-dan-islam-analisis-terhadap-cabaran-semasa-bhg-akhir/>

² Lihat Bantah Penubuhan IFC (brosur edaran yang diterbitkan oleh ACCIN). Lihat juga di dalam: http://bantahifc.bravehost.com/bantah_penubuhanIFC_brosuredaran.htm

(identity card). Ia telah mencetuskan ketidakselesaan dikalangan masyarakat Islam kerana seolah tiada usaha dilakukan untuk menyekat beliau dari murtad. Sedangkan murtad itu hukumannya sangat berat di sisi agama.

Di atas nama kebebasan beragama, beberapa pertubuhan termasuk SIS dan NGO bukan Islam seperti Kumpulan Artikel 11 secara lantang membela tuntutan Azlina Jailani yang telah murtad untuk menukar status agama Islam kepada agama Kristian di dalam Kad Pengenalannya. Walaupun tuntutan ini telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan (Tertinggi) di Malaysia, namun SIS dan NGO terbabit masih lagi mengungkit kes ini sebagai bertentangan dengan kebebasan individu seperti yang dibawa oleh faham liberalisme Barat.¹ Pada mereka, mengapa harus disekat orang Islam yang ingin menganut agama lain. Sepatutnya orang Islam diberi kebebasan untuk menukar agama mengikut kehendak mereka. Inilah satu cabaran besar untuk memahami manusia dalam dunia global tentang agama Islam yang mempunyai maqasid syariah tersendiri iaitu untuk menjaga agama, nasab keturunan dan perkara yang telah disebutkan di atas sebelum ini.

5. Kewujudan Rumah Ibadat bukan Islam tanpa kawalan

Sepertimana yang dijamin dalam perlembagaan, tidak dinafikan bahawa agama lain selain Islam turut mempunyai hak untuk mengamalkan ajaran agama mereka di Malaysia. Namun begitu, ada dalam beberapa hal perkara sensitif sebegini tidak dikawal iaitu kewujudan rumah-rumah ibadat bukan Islam di merata-rata tempat yang menjadi kerisauan sebahagian dari umat Islam. Kewujudan patung terbesar Lord Murugan bagi golongan Hindu di Batu Cave turut mencuri perhatian kerana pembinaannya dikatakan tidak mendapat apa-apa kebenaran dari pihak berkuasa tempatan.

¹ Rahimin Affandi, dalam <http://ummatanwasatan.net/2009/05/kebudayaan-melayu-dan-islam-analisis-terhadap-cabaran-semasa-bhg-akhir/>

Islam mengajar penganutnya menghormati rumah ibadat bukan Islam. Saya lihat untuk menghormati ini bukanlah satu masalah, tetapi jika pembinaan itu tidak mendapat kelulusan, ia sesuatu yang harus diperbetulkan dan tindakan mesti diambil. Ada beberapa surau yang diminta untuk dirobuhkan atas beberapa sebab dan ia tidak pula mendapat simpati yang mendalam oleh pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan kepada Buletin Perangkaan Malaysia (terbitan Jun 2006), jumlah penduduk di Malaysia ialah seramai 26.64 juta orang. Daripada jumlah itu, 24.8 juta orang merupakan warganegara Malaysia manakala bakinya 1.84 juta orang merupakan bukan warganegara Malaysia. Pecahan kaum pula menyaksikan Melayu (Islam) mewakili 54 % dari populasi penduduk iaitu seramai 13.48 juta orang. Kaum bumiputera (selain daripada Melayu) seramai 2.93 juta orang mewakili 11.8 %.

Tetapi menariknya bilangan keseluruhan kuil Hindu sama adayangberdaftaratautidak, adalah sebanyak 70,000. Daripada jumlah ini, menurut Persatuan Hindu Sangam, bilangan kuil besar dan kecil yang berdaftar adalah sebanyak 17,000. Selebihnya tidak berdaftar dan ada yang telah dirobuhkan. Kata Ridhuan Tee, untuk memudahkan pemahaman, baik kita bandingkan dengan keseluruhan masjid dan surau yang terdapat di negara ini yakni berjumlah 19,927.¹

Sebuah negeri maju di Malaysia iaitu Selangor mempunyai penduduk berjumlah 4.8 juta. Dari jumlah ini orang Melayu mewakili 2.5 juta dengan kapasiti 358 masjid dan 1000 surau. Orang Cina Buddha berjumlah 1.3 juta mempunyai 1015 tokong, orang India berjumlah 647,000 dengan 810 kuil berdaftar. Manakala, Kristian berjumlah 50,000 dengan 27 buah gereja. Jumlah gereja ini tidak termasuk gereja-gereja yang berada di rumah kedai. Statistik ini tidak termasuk kuil-

¹ Lihat Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Formula Membina Rumah Ibadat*, dalam laman beliau: <http://ridhuan.blogspot.com/2009/12/formula-membina-rumah-ibadat.html>.

kuil dan rumah ibadat yang berselerak di sana sini yang tidak didaftarkan.¹

Penutup

Perlaksanaan hukum Islam dalam dunia moden pada hari ini penuh dengan cabaran-cabaran yang tersendiri. Ia perlu dihadapi dengan penuh hikmah agar Islam tidak dituduh sebagai kolot, jumud serta takut kepada perubahan. Dalam era globalisasi, segala maklumat dapat diperolehi dengan cepat, sehingga apa yang berlaku di dunia luar turut mendapat tempias di negara sendiri. Golongan yang mementingkan kehidupan beragama sudah pasti ingin mempertahankan tradisi agama dari dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Tiada siapa yang suka jika urusan agama mereka dicampuri oleh pihak lain. Pejuang hak asasi manusia di barat juga tidak berjaya untuk memahami hak asasi manusia yang beragama. Contohnya dalam soal menutup aurat dan sebagainya. Sepatutnya mereka harus faham bahawa persoalan itu adalah hak asasi bagi umat Islam. Mereka sengaja mahu mempersoalkannya, tetapi apabila tiba kepada mereka, mengapa tidak dipersoalkan golongan *nun* yang juga menutup aurat itu? Inilah cabaran sikap *double standard* yang harus kita hadapi. Pokoknya jangan biarkan golongan asing mencampuri urusan agama Islam sehingga mereka ingin mengajar kita Islam mana yang betul dan Islam mana yang salah. Inilah perkara yang memerlukan pemerksaan bagi masa depan peradaban Islam yang unggul di nusantara dan dunia amnya.

¹ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Formula Membina Rumah Ibadat*, dalam laman beliau: <http://ridhuan.blogspot.com/2009/12/formula-membina-rumah-ibadat.html>.

Daftar Pustaka

- Ab. Ghani, Anisah., dan Saadan Man. 'Nilai-nilai Adat dan Budaya Dalam Amal Ibadat Masyarakat Melayu,' dalam Md. Saleh Hj Md. @ Ahmad et. al. (eds.), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.
- Adil, Mohamed Azam Mohamed. 'Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa di Malaysia,' dalam Md. Saleh Hj Md. @ Ahmad et. al. (eds.), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Affandi, Rahimin. *Kebudayaan Melayu dan Islam: Analisis terhadap cabaran semasa (Bhg. Akhir)*, dalam: <http://ummatanwasatan.net/2009/05/kebudayaan-melayu-dan-islam-analisis-terhadap-cabaran-semasa-bhg-akhir/>
- Ahmad, Mohd Saleh Haji. *Pengantar Syariat Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999, cet.ke-1.
- Al-Attas, Syed Naquib. *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.
- al-Dawamy, Aminuddin Ruskan. *Syariah dan Perundangan*. Johor: Cetak Ratu Sdn Bhd, 1998.
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad. *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyah*. cet. viii, Beirut: al-Qalam, 1988.
- Ansori, 'Hukum Islam dan Tradisi Masyarakat' dalam *Ibda'-Jurnal Studi Islam dan Budaya*, Vol. 5, No. 1, 2007.
- Bari, Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005.
- Bin Nujaim, Zainal Abidin bin Ibrahim, *al-Asybah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiah, 1985.

- Ibrahim, Ahmad dan Ahilemah Joned. *The Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: DBP, 1995.
- Riddell, Peter. *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*. Singapore: Horizon Books, 2001.
- <http://annurshd.blogspot.com/2010/08/pelaksanaan-syariah-islam-di-malaysia.html>.
- http://bantahifc.bravehost.com/bantah_penubuhanIFC_brosuredaran.htm
- http://bantahifc.bravehost.com/bantah_penubuhanIFC_brosuredaran.htm
- http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125.
- http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125.
- http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125.
- http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=125:pelaksanaan-syariat-islam-adalah-suatu-keutamaan&catid=20:bicara-presiden&Itemid=107.
- <http://ridhuant.blogspot.com/2009/12/formula-membina-rumah-ibadat.html>.
- <http://ridhuant.blogspot.com/2009/12/formula-membina-rumah-ibadat.html>.
- <http://ummatanwasatan.net/2009/05/kebudayaan-melayu-dan-islam-analisis-terhadap-cabaran-semasa-bhg-akhir/>
- <http://ummatanwasatan.net/2009/05/kebudayaan-melayu-dan-islam-analisis-terhadap-cabaran-semasa-bhg-akhir/>
- <http://www.mykmu.net/~mykmu/modules.php?name=News&file=print&sid=2403>.
- http://www.niknasri.com/wp-content/uploads/2009/08/DAIJ_Fungsi_Sebener_Islam.pdf
- <http://www.kias.edu.my/pelundang.htm>